

Angka Giliran: _____



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JKE 419/ JKE 518 – Kewangan Antarabangsa

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A.

Pilih **TIGA** soalan sahaja di Bahagian B.

Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan kosong yang disediakan di dalam kertas soalan ini.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Baca arahan setiap soalan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (70 markah)

Jawab **SEMUA** soalan pada ruangan yang disediakan.

1. (a) Terangkan perbezaan antara kadar pertukaran runcit dan kadar pertukaran antara bank.
(4 markah)

- (b) Apakah nama lain bagi kadar pertukaran runcit dan kadar pertukaran antara bank?
(2 markah)

2. Diberi $CA + KFA + ERR = FER$ yang mana CA ialah akaun semasa, KFA ialah akaun modal dan kewangan, ERR ialah akaun kesilapan dan ketinggalan dan FER ialah rizab mata wang asing.

Nyatakan kesan ke atas FER akibat setiap satu daripada berikut:

(6 markah)

- (a) Kejatuhan harga minyak di pasaran antarabangsa meningkatkan import minyak Malaysia.

3. Pendapatan negara bersih (GNI) sebuah negara ialah sebanyak 1,100 bilion. Penggunaan swasta dan penggunaan awam ialah sebanyak 530 bilion manakala pelaburan awam dan pelaburan swasta ialah 455 bilion.

(a) Hitung eksport bersih negara tersebut. (Tunjukkan pengiraan anda.)
(3 markah)

(b) Berapakah jumlah akaun semasa negara tersebut?
(1 markah)

(c) Penggunaan swasta dan penggunaan awam, dan pelaburan swasta dan pelaburan awam dikenali juga sebagai _____.
(1 markah)

4. Andaikan perdagangan antarabangsa hanya berlaku antara Amerika Syarikat dan China. China mencatatkan lebih dagangan sebanyak USD1,001 bilion.

(a) Berapakah imbalan dagangan Amerika Syarikat?
(1 markah)

(b) Amerika Syarikat melaksanakan dasar belanjawan defisit dan jumlah defisitnya ialah sebanyak USD800 bilion. Kesemua defisit tersebut dibiayai melalui penjualan bon perbendaharaan.

(i) Negara manakah yang mengalami defisit berkembar?

(1 markah)

(ii) Jika China membeli USD500 bilion daripada bon tersebut, terangkan DUA perubahan yang akan berlaku kepada imbangan pembayaran China?

(2 markah)

(c) Terangkan kesan lebih dagangan dan pembelian bon oleh China ke atas:

(i) nilai mata wang Yuan.

(2 markah)

(ii) nilai mata wang Dolar.

(2 markah)

5. Bezakan kadar diskaun dan kadar premium dalam pasaran hadapan pertukaran asing.

(4 markah)

6. Jika pasaran pertukaran asing adalah cekap, kadar hadapan (f) seharusnya mencerminkan kadar semerta yang akan wujud pada masa hadapan (s_{t+1}). Terangkan mengapa ini seharusnya berlaku. (Panduan: $s_t = (s_{t+1}^e | I) = f$)

(5 markah)

7. Terangkan perbezaan pariti kadar bunga terlindung dan pariti kadar bunga tak terlindung. [Panduan: $(i = i^*) = \frac{F-S}{S}$ dan $(i - i^*) = \frac{s_{t+1}^E - S}{S}$].

(6 markah)

8. Berdasarkan hubungan yang digambarkan oleh rumus $(1 + i) = \left(\frac{(1+i^*)}{s}\right) F$, terangkan bagaimana arbitraj boleh berlaku. (5 markah)

9. Anda dibekalkan dengan maklumat berikut:

SF1.1860/\$

€0.8267/\$

€0.6935/SF

Tunjukkan bagaimana anda boleh memperoleh keuntungan daripada arbitraj tiga penjuar jika anda mempunyai RM5,000,000 dan kadar pertukaran antara Ringgit dan Dolar US ialah RM5/\$ (AWAS: arbitraj ini mungkin juga menghasilkan kerugian).

(8 markah)

10. Dipetik daripada majalah *The Economists*, 15 Oct. 2016.

With Britain's current-account deficit (a measure of what it borrows from abroad) equal to a gigantic 6% of GDP, it is also a dangerous one. True, Britain is not heading for a balance-of-payments crisis. Its debts are issued in its own currency, so the cost of meeting its obligations will not soar as the currency falls. And Britain's net capital flows tend to come in the form of foreign direct investment (FDI), as opposed to deposits or short-term debt. FDI will not disappear overnight in the way that deposits could. But it can be hard to recover from a loss of confidence. If foreign investment dries up, and the pound stays weak, Britons will be left permanently poorer.

The penny needs to drop, too

Unfortunately, far too many in Mrs May's government are complacent about this. Many Brexiteers wrongly conclude that the pound's slump is nothing but good news. Their argument is that a weaker pound will send exports soaring, herald a manufacturing renaissance and "rebalance" the economy away from services. Yet recent experience suggests that British exports do not respond quickly or strongly to a cheaper currency. The volume of exported goods is actually lower than it was before the Brexit vote.

The Brexiteers also fail to acknowledge the immediate hit to living standards that the pound's slump has caused. Britons enjoy consuming things from abroad. Some 5% of household spending goes on foreign holidays. Domestic prices are affected, too: the pressures surfaced this week in a dispute between Tesco, a supermarket, and Unilever, a consumer-goods firm, which wants to increase the price of brands such as Marmite, a yeasty spread. Inflation may jump from its current level of 0.6% to 3% by next year, well above the Bank of England's 2% target. This will be bitter medicine for the average Briton, whose real weekly pay is already about 4% lower than in 2007. Nominal wage growth fell to a measly 2% in the run-up to the referendum, and bosses are in no mood to offer pay rises now. Real wages will soon be falling once again.

Defisit akaun semasa (yang lazimnya diguna sebagai ukuran pinjaman luar negara) yang dihadapi Britain bersamaan 6% daripada KDNK, adalah satu yang berbahaya. Memang benar Britain tidak menuju ke ambang krisis imbalan pembayaran. Oleh kerana hutangnya diterbitkan dalam mata wang sendiri, maka kos untuk memenuhi obligasi hutang tersebut tidak akan meningkat dengan besar seiring dengan kejatuhan nilai mata wangnya. Dan aliran modal bersih Britain umumnya wujud dalam bentuk pelaburan langsung asing (FDI), dan bukan dalam bentuk deposit atau hutang jangka pendek. FDI tidak akan hilang dalam sekelip mata tidak sebagaimana yang boleh berlaku kepada deposit. Tetapi ia boleh menjadi sukar untuk pulih daripada kehilangan keyakinan. Jika pelaburan asing menjadi kering, dan nilai Pound kekal lemah, masyarakat Britain akan kekal miskin buat jangka masa yang lama.

Penny juga perlu jatuh

Malangnya, terlalu ramai dalam kalangan anggota kerajaan Mrs May leka tentang perkara ini. Ramai penyokong Brexiteers secara salah menyimpulkan bahawa kejatuhan Pound adalah suatu yang baik. Hujah mereka adalah bahawa nilai Pound yang lebih lemah akan merangsang eksport, menjadi pemangkin kebangkitan semula sektor pembuatan dan "mengimbangi semula" ekonomi dari sektor perkhidmatan. Namun pengalaman terkini menunjukkan bahawa eksport British tidak bertindak balas dengan cepat atau memberi kesan besar kepada kejatuhan nilai mata wang. Jumlah barangan yang dieksport adalah sebenarnya lebih rendah berbanding sebelum undi Brexit itu.

Pendukung Brexit juga gagal untuk mengakui kesan segera kepada taraf hidup akibat kejatuhan Pound. Masyarakat Britain gemar menggunakan barangan dari luar negara. Sekitar 5% daripada perbelanjaan isi rumah dibelanjakan ke atas percutian asing. Harga dalam negeri juga terjejas: tekanan muncul minggu ini dalam pertikaian antara pasar raya Tesco, dan Unilever, sebuah firma barangan pengguna, yang mahu menaikkan harga jenama mereka seperti Marmite, iaitu sejenis sebaran yeast. Inflasi boleh melonjak daripada paras semasa sebanyak 0.6% kepada 3% pada tahun depan, jauh melebihi sasaran 2% oleh Bank of England. Ini akan menjadi berita pahit bagi kebanyakan masyarakat Britain, yang mana gaji benar mingguan mereka berada kira-kira 4% lebih rendah berbanding pada tahun 2007. Pertumbuhan upah nominal juga jatuh ke paras hanya 2% menjelang referendum, dan majikan tidak berada dalam suasana yang baik untuk menawarkan kenaikan gaji sekarang. Gaji benar akan jatuh sekali lagi dalam masa terdekat.

- (a) Apakah maksud, '*Its debts are issued in its own currency*'? Nyatakan dua mata wang utama lain yang lazim diguna oleh kebanyakan negara untuk menerbitkan hutang.

(3 markah)

- (b) Difahami daripada petikan di atas bahawa jika hutang berkenaan tidak diterbitkan di dalam mata wang Pound, maka kos untuk memenuhi tuntutan (obligasi) hutang tersebut akan meningkat. Apakah maksud kos obligasi hutang tersebut boleh meningkat dan bagaimana ia boleh berlaku?

(2 markah)

- (c) Mengapakah pelaburan langsung asing (FDI) tidak lesap dalam sekelip mata (*will not disappear overnight*)?

(1 markah)

- (d) Berikan DUA alasan mengapa sesetengah pihak beranggapan bahawa kejatuhan nilai Pound adalah baik untuk ekonomi Britain.
(2 markah)
- (e) Mengapakah eksport Britain tidak bertindak-balas dengan cepat atau dengan kukuh kesan daripada kejatuhan nilai Pound tersebut?
(2 markah)
- (f) Bagaimanakah inflasi boleh meningkat kesan kejatuhan nilai Pound tersebut?
(2 markah)
- (g) Apakah faktor yang menyebabkan upah nominal mengalami kejatuhan?
(1 markah)

Angka Giliran : _____

[JKE 419/ JKE 518]

- 11 -

- (h) Berikan DUA kebaikan dan DUA keburukan kejatuhan nilai Pound kepada
(4 markah)

Malaysi

Bahagian B (30 markah)

Pilih dan jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab pada kertas bergaris yang dibekalkan bersama kertas soalan ini.

1. Terangkan hubungan kadar pertukaran, kadar bunga dan pariti kadar bunga.
(10 markah)
2. Bezakan urus niaga hadapan dan urus niaga ke depan.
(10 markah)
3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan derivatif?
(2 markah)
(b) Terangkan dengan ringkas 4 jenis derivatif mata wang asing.
(8 markah)
4. (a) Secara rumus bezakan pariti kuasa beli mutlak dan pariti kuasa beli relatif.
(4 markah)
(b) Jika harga antara dua pasaran hanya dibezakan oleh kadar pertukaran sebagaimana yang dinyatakan oleh konsep pariti kuasa beli, mengapakah masih wujud perbezaan harga antara satu pasaran dengan pasaran lain sebagaimana yang digambarkan oleh indeks Big-Mac?
(6 markah)
5. (a) Berbantuan rumus berikut, terangkan pariti kadar bunga.
$$(1 + i) \neq \left(\frac{1+i^*}{s}\right) F$$

(4 markah)
(b) Andaikan berlaku peningkatan permintaan mata wang asing. Terangkan langkah campur tangan yang boleh diambil oleh bank pusat bagi memastikan kadar pertukaran tidak berubah.
(6 markah)
6. Terangkan TIGA bentuk dedahan pertukaran asing.
(10 markah)
7. Terangkan DUA daripada penentu imbalan pembayaran dan kadar pertukaran.
(10 markah)

